

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A
[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. “Segala titah perintah _____ akan patik laksanakan,” kata Bendahara Tun Perak kepada Sultan Muzaffar.
A beta
B hamba
C tuanku
D tuan hamba
2. Adik berasa kecewa kerana keropok yang dibelinya telah _____.
A rangup
B lemau
C hangit
D rapuh

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Seluruh rakyat berdiri *bulat* di belakang pemimpin yang jujur itu.
II Kakak menaruh kepercayaan yang *bulat* kepada rakan sebiliknya.
III Ular itu menelan *bulat* seekor anak kambing.
IV Usul parti pembangkang itu ditolak *bulat*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Izwan bimbang kerana wang simpanannya telah *licin*.
II Perniagaan ibu berjalan dengan *licin* sejak tiga tahun lalu.
III Rambut Aaron disisir *licin* sebelum dia ke sekolah.
IV Amira seorang yang *licin* kerana sering menggunakan orang lain untuk mencapai matlamatnya.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Cikgu Juwairiyah mengajarkan para murid-murid 2 Terampil mata pelajaran Bahasa Melayu.
A mengajar para murid
B mengajarkan para murid
C mengajar para murid-murid
D mengajarkan para murid-murid
6. Perompak itu bersenjatakan dengan pistol ketika memecah masuk bank itu.
A bersenjata dengan pistol
B bersenjatakan pada pistol
C bersenjatakan pistol
D bersenjatakan dengan pistol

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Keadaan Dahlia kusut-masai sekali ketika dijumpai sesat di hutan.
II Kebun durian kepunyaan datuk terluas sekali di daerah ini.
III Mahasiswa berkaca mata itu sungguh pintar sekali.
IV Adira merupakan murid yang terawal sampai di sekolah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Chan baru sudah makan semasa kejadian itu berlaku.
II Rohaya masih sedang dalam perjalanan ke hospital.
III Syaniza sudah pernah ke Jepun semasa musim luruh yang lalu.
IV Abang telah akan bertolak ke Kuala Lumpur petang nanti.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera, guru-guru terutamanya guru mata pelajaran Bahasa Melayu perlu memainkan peranan yang berkesan.
A Karya sastera yang diminati oleh murid akan mendatangkan kesan untuk meningkatkan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

- B Para guru terutamanya guru-guru Bahasa Melayu perlulah memainkan peranan yang efektif untuk menarik minat murid terhadap karya sastera.
C Bagi memupuk minat terhadap karya sastera, tidak dapat dinafikan bahawa peranan berkesan murid adalah penting.
D Minat guru terhadap karya sastera pastinya dapat memupuk minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Pengerusi syarikat terkemuka itu sering mengingatkan pekerjaanya supaya saling bekerjasama bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan terbaik untuk pelanggan.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Masa itu emas
B Ilmu penyuluh kehidupan
C Hidup bahasa hiduplah bangsa
D Bersekutu bertambah mutu

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan sajak di bawah.

PANTUN KASIH SAYANG

- 1 Buah mengkudu kusangka kandis,
Kandis terletak dalam puan;
Gula madu kusangka manis,
Manis lagi senyuman tuan.
2 Asap api di Tanjung Tuan,
Kuala Linggi bakaunya rendah;
Harap hati kepada tuan,
Langit tinggi kupandang rendah.
3 Anak udang meniti batang,
Berasa dahan terlampai;
Melihat bulan dipagar bintang,
Bagaikan rasa hendak dicapai.

- 4 Jalan-jalan sepanjang jalan,
Singgah-menyinggah di pagar orang;
Pura-pura mencari ayam,
Ekor mata di anak orang.
5 Bila masa dipanggil maut,
Cinta tidak berharga lagi;
Asam di darat ikan di laut,
Sampai masa berjumpa lagi.

Dipetik daripada Antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia



11. Berdasarkan pantun, rangkai kata *ekor mata* membawa maksud
- A sisi pandangan.
 - B mengikut jejak.
 - C belakang anggota.
 - D masa silam.
12. Apakah maksud rangkap kelima pantun?
- A Perbezaan darjat antara pasangan
 - B Perwatakan menarik akan disukai ramai orang
 - C Cita-cita yang dianggap mustahil
 - D Perpisahan yang menjanjikan pertemuan semula
13. Apakah kata-kata hikmat yang sesuai dengan maksud pantun di atas?
- A Usaha tangga kejayaan
 - B Bangsa membaca bangsa berjaya
 - C Bersekutu bertambah mutu
 - D Kurangkan gula dalam makanan, tambahkan manis dalam senyuman
14. Yang berikut merupakan nilai yang terdapat dalam pantun **kecuali**
- A kasih sayang.
 - B keikhlasan.
 - C ketabahan.
 - D kesetiaan.
15. Pernyataan yang **benar** tentang pantun tersebut ialah
- A kita harus menerima kekalahan sebelum berjuang.
 - B kita hendaklah saling menyayangi antara satu sama lain.
 - C kita seharusnya tidak percaya akan janji seseorang teman.
 - D kita sewajarnya mengutamakan kejujuran dalam kehidupan.

Bahagian B
[30 markah]